

Headline	TNB kebanggaan negara 70 tahun		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	07 Sep 2019	Readership	246,756
Circulation	82,252	Page No	9
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	831 cm²		
PR Value	RM 82,868		



TNB kebanggaan negara 70 tahun

Ambil langkah berani jadikan hidup lebih baik, cerah

Kuala Lumpur: Ramai tidak menghargai peranan penting Tenaga Nasional Bhd (TNB) sehingga berlaku kegagalan elektrik tidak dijangka dan menyebabkan dirinya tidak berhubung dengan dunia luar.

Namun, TNB yang menyambut ulang tahun ke-70 pada 1 September lalu sentiasa ada bagi membantu, termasuk dalam usaha majukan diri bagi mencapai potensi dalam segenap hal dilakukan.

TNB sudah beroperasi sebelum Malaya mendapat kemerdekaan pada 1957 dengan menerangi bandar dan kampung. Bermula dari 1949 sebagai Lembaga Letrik Putra (CEB), ia berkembang sebagai Lembaga Letrik Negara (LLN) dan kini, TNB ke arah menjanakan Semenanjung Malaysia.

TNB menerangi kehidupan dan Malaysia mencatat kemajuan daripada hanya ekonomi pertanian kepada negara yang begitu pelbagai hari ini. Tidak dapat diperkatakan, TNB menjadi kebanggaan negara selama 70 tahun.

Selain menerangi komuniti, TNB penting dalam perindustrian negara, membantu dalam perdagangan, malah membuka nilai dalam masyarakat.

Penganalisis pelaburan dan pegulat mengakui bahawa TNB merupakan syarikat terbaik di Malaysia. Tony Goh antara beneficiari itu.

Beliau mengimbau, pengkorporatan LLN yang akhirnya lahir TNB pada 1990-an, sekali gus mengubah landskap tenaga negara.

Katanya, ia antara perkara terbaik dan tempoh paling penting berlaku dalam hidupnya.

"Ia adalah tempoh saya bergantung kepada bekalan tenaga yang boleh dipercayai untuk melepas pengajian di kolej dan menikmati beberapa keistimewaan daripada ekonomi pesat berkembang yang turut disumbangkan oleh syarikat pembekal tenaga mantap," katanya.

Membesar di pinggir bandar Petaling Jaya pada pertengahan lewat 1980-an, Goh masih ingat dengan jelas, hari yang kadangkala keluarganya bangun tengah malam dan berpeluh dalam kegelapan kerana bekalan elektrik terputus.

"Menghubungi kakitangan LLN pada tengah malam pada masa itu bukan perkara baik untuk dilakukan. Bayangan, ketersediaan LLN kepada mereka di luar bandar serta bandar kecil di seluruh Malaysia dalam usaha mengatasi masalah gangguan elektrik," katanya.



TNB sentiasa merancang meningkatkan prestasinya kepada lebih 9 juta pelanggan di seluruh negara.
(Foto haslan)

Pada masa itu, biasanya seseorang boleh bercakap dengan kakitangan yang mengendalikan lebih 200 panggilan pengguna tanpa henti dan dia mungkin menjawab dalam noda kasar. Bagaimanapun, keadaan sudah berubah.

Kakitangan yang mengendalikan panggilan, kini lebih bijak dan mereka memberikan anda bantuan mengenai jenis masalah dan apa yang dilakukan oleh kakitangan teknikal untuk mendapatkan elektrik semula.

TNB tidak leka dan sentiasa merancang untuk meningkatkan prestasinya kepada lebih 9 juta pelanggan dengan lebih 660,000km rangkaian pengedaramnya.

Di bawah pelan transformasi *Reimagining TNB*, banyak dilakukan untuk menangani cabaran pada masa depan.

TNB menyasarkan untuk memperbaiki penjanaan tenaga domestik dan perniagaan runcit elektriknya di bawah bidang kuasa anak syarikat milik penuh yang baru diperbadankan. Ia perlu mendekati masyarakat dalam mengimbangi agenda nasional dan kebimbangannya sendiri.

Bagi pemaju harta tanah, Ahmad Khalif Mustapha Kamal dari MK Land, berkata, TNB kini pada kedudukan menarik dalam mengimbangi agenda nasional dan kebimbangannya sendiri.

"Melalui langkah pemusatkan penjanaan tenaga, ia perlu mentakrifkan semula peranan semasa dan juga masa depannya. Di kawasan bandar, ia kurang dihargai tetapi sebenarnya adalah menerangi kawasan luar bandar," katanya.

Hakikatnya, TNB sudah berse-

bahan pasaran dijangka dengan mewujudkan kelebihan penggerak pertama.

Langkah berani TNB sejarah dengan tindakan bebas penjawat awam, Kementerian Kewangan dan Pengangkutan, Tan Sri Ramon Navaratnam, yang menyokong utiliti tenaga itu bergerak lebih kepada meritokrasi.

Navaratnam berkata, TNB perlu lebih inklusif untuk masyarakat berbilang kaum bagi meraih manfaat kemakmurnan bersama sebagaimana yang diperjuangkan oleh kerajaan sekarang.

Bagaimanapun, Navaratnam tutut tertanya-tanya sebab kerajaan mencadangkan idea merombak sistem yang cekap dengan membuka pasaran, memandangkan TNB memberikan perkhidmatan dengan baik kepada negara.

"Mungkin kerajaan hari ini, mahu lebih banyak daripada TNB," katanya.

Bagi pemaju harta tanah, Ahmad Khalif Mustapha Kamal dari MK Land, berkata, TNB kini pada kedudukan menarik dalam mengimbangi agenda nasional dan kebimbangannya sendiri.

"Melalui langkah pemusatkan penjanaan tenaga, ia perlu mentakrifkan semula peranan semasa dan juga masa depannya. Di kawasan bandar, ia kurang dihargai tetapi sebenarnya adalah menerangi kawasan luar bandar," katanya.

Hakikatnya, TNB sudah berse-

dia untuk masa depan, terutamanya dengan hasrat kerajaan untuk meliberalisasikan sektor bekalan elektrik. Ia kini menyediakan asas untuk peraturan baharu di bawah rangka kerja Peraturan Berasaskan Insentif (IBR) dalam Tempoh Pengawalseliaan Ketiga kerajaan dari 2021 hingga 2023.

Dengan menyediakan lebih awal, TNB juga berhalil menjadi antara rangkaian tenaga paling boleh dipercayai di rantau ini dan piawaiannya setanding dengan banyak negara maju yang lain.

Sementara itu, Pengerusi TNB Tan Sri Leo Moggie, yang menyelaras pembangunan TNB sejak lama menteri ketika itu, bertanggungjawab bagi sektor tenaga dan kerja raya pada 1970-an hingga 2004, berkata TN menjangka pembaharuan itu seawal 2016 dan pelan strategik di bawah *Re-imaging* TNB itu memaparkan aspek kesesiagaan.

"Asas kukuh diletakkan pada hari ini, mengubah proses dan struktur dalam kita untuk menjadikan TNB lebih maju dari segi teknikal dan pengoptimuman kos berbanding sebelum ini," katanya.

Moggie berkata, TNB juga sentiasa bersedia dan menyuaskan diri dengan perubahan seperti yang pernah dilalui sebelum ini termasuk pada 1990-an yang menyaksikan kehadiran Pengeluar Tenaga Bebas (IPP).

Beliau menerusi TNB sejak 2004 dan antara kebanggaannya adalah entiti TNB iaitu Universiti Tenaga Nasional (Uniten) yang juga antara universiti swasta utama di Malaysia yang berperanan menghasilkan barisan siswazah bidang kejuruteraan, sains komputer dan teknologi maklumat, kewangan dan pengurusan tenaga untuk sektor perniagaan utama Malaysia.

Sebagai anak jati kawasan pedalaman di Kanowit, Sarawak, Moggie menyedari pentingnya pendidikan dan penjanaan tenaga di luar bandar bagi kemajuan serta peningkatan pergerakan rakyat khususnya mereka di pedalaman.

"Pemilikan sumber modal insan yang baik adalah teras TNB bagi mengharungi cabaran sejak dulu bagi menjamin kelangsungannya. Ini dapat dilihat pada 2018 apabila TNB melaporkan perolehan sebanyak RM50.39 bilion dan keuntungan bersih RM3.72 bilion," katanya.

Apa yang pasti, TNB adalah syarikat gergasi yang bermula secara sederhana di Bangsar pada 1949 kini berada dalam kedudukan untuk terus mengorak langkah lebih jauh.

Ibu pejabatnya di Bangsar yang menyaksikan pemasangan komputer pertama di negara ini pada 1966, kini sedang melalui pelbagai transformasi besar-besaran, sekali gus membuktikan keyakinan syarikat itu terhadap masa depannya.

BERNAMA



Pemilikan sumber modal insan yang baik adalah teras TNB bagi mengharungi cabaran sejak dulu bagi menjamin kelangsungannya. Ini dapat dilihat pada 2018 apabila TNB melaporkan perolehan sebanyak RM50.39 bilion dan keuntungan bersih RM3.72 bilion.

**Leo Moggie,
Pengerusi TNB**



Melalui langkah pemusatkan penjanaan tenaga, ia perlu mentakrifkan semula peranan semasa dan juga masa depannya. Di kawasan bandar, ia kurang dihargai tetapi sebenarnya adalah menerangi kawasan luar bandar.

**Ahmad Khalif Mustapha Kamal,
Pemaju harta tanah**